

05 MAR 2002

BSKL-ANUGERAH/I

PUBLIC BANK, MAYBANK DAPAT ANUGERAH KECEMERLANGAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Public Bank Bhd dan Malayan Banking Bhd (Maybank) menggondol Anugerah Kecemerlangan Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) 2000 di kalangan syarikat Papan Utama.

Computer Systems Advisers (M) Bhd (CSA) dan Globetronics Technology Bhd pula menerima anugerah kecemerlangan di kalangan syarikat Papan Kedua.

Ini adalah kali kedua Public Bank dan CSA menerima anugerah itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah itu kepada para penerima di sini hari ini.

Anugerah Korporat BSKL itu mengiktiraf syarikat tersenarai yang menunjukkan standard perlakuan korporat yang tinggi. Ia turut mengambil kira amalan-amalan penzahiran korporat.

Sementara itu, Anugerah Korporat BSKL Mengikut Sektor di kalangan syarikat Papan Utama diberikan kepada British American Tobacco (M) Bhd (barangan pengguna), Malayan Cement Bhd (barangan perusahaan), Road Builders (M) Holdings Bhd (pembinaan), Tanjong Public Ltd Co (perkhidmatan/perdagangan), Public Bank Bhd (kewangan dan dana tertutup), Kumpulan Guthrie Bhd (perladangan), Powertek Bhd (prasarana) dan AIC Corporation Bhd (teknologi).

Tiada pemenang bagi sektor hotel, hartanah, tabung amanah dan perlombongan.

Anugerah mengikut sektor di kalangan syarikat Papan Kedua diberikan kepada Ireka Corporation Bhd (pembinaan/hartanah/perladangan) Computer Systems Advisers (M) Bhd (teknologi/perkhidmatan) Globetronics Technology Bhd (teknologi).

Tiada pemenang bagi sektor barangan pengguna dan barangan perusahaan.

-- BERNAMA

ER KTC JR